


Tel. No. 088 - 222337/222336/
222031/218201

Fax. No. 088 - 222557/215682



SEKRETARIAT MAJLIS PERANCANG NEGERI
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
NEGERI SABAH
Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens
88646 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Rujukan : JPBW: 100-4/1082 (31)
Tarikh : 11hb Mac 2021

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
No. 1, Jalan Bandaran
88675 KOTA KINABALU

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan
Peti Surat No. 221
90702 SANDAKAN

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau
Peti Surat no. 412
91007 TAWAU

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat
Peti Surat No. 201
89058 KUDAT

Semua Pengerusi
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

Semua Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat dan
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

YBhg. Datuk-Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING NO.2/2021 MAJLIS PERANCANG NEGERI SABAH
TATACARA BAHARU PENGECUALIAN 10 % KAWASAN LAPANG TERHADAP PEMBAHAGIAN
TANAH DI KALANGAN AHLI KELUARGA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

.../2

“SABAH MAJU JAYA”

2. Sila maklum bahawa, Pekeliling LPPBD BIL. 1/2018 dikeluarkan susulan daripada ucapan penggulungan YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 22hb November 2017 yang lalu untuk memberi kelonggaran ke atas mana-mana pembahagian tanah di kalangan ahli keluarga berhubung dengan keperluan 10 peratus kawasan lapang. Majlis Perancang Negeri pada mesyuarat 25hb Februari 2021 (MPN No.1/2021) walau bagaimanapun telah bersetuju untuk membuat pindaan dan pengubahsuaian terhadap beberapa syarat yang terkandung di dalam pekeling terdahulu.

3. Majlis Perancang Negeri telah memutuskan garis panduan dan tatacara baharu pembahagian tanah di kalangan ahli keluarga adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a) Keluasan minima lot-lot baru dalam pembahagian tanah di antara ahli-ahli keluarga ini adalah 0.1 ekar, dan ianya terbuka hanya kepada zon gunatanah yang membenarkan pembinaan rumah untuk kediaman sahaja;
- b) Bagi lot-lot baru setelah dipecahbagi, pematuhan kepada anjakan minima bangunan rumah (building setback) adalah memadai untuk memenuhi keperluan teknikal perancangan. Anjakan minima yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya 20 kaki (6.1 meter) untuk anjakan hadapan (front setback), sekurang-kurangnya 10 kaki (3.1 meter) untuk anjakan tepi (side setback), dan sekurang-kurangnya 10 kaki (3.1 meter) untuk anjakan belakang (rear setback).
- c) Tujuan pekeling ini adalah untuk memberi kelonggaran ke atas mana-mana pembahagian tanah di kalangan ahli keluarga berhubung dengan keperluan 10 peratus kawasan lapang. Dengan mengambilkira tujuan tersebut, tanpa mengira keluasan geran asal, keperluan untuk mengasingkan dan menyerahkan 10 peratus daripada tapak sebagai kawasan lapang kepada Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak diperlukan.
- d) Jalan masuk selebar 30 kaki hendaklah disediakan kepada setiap lot baru; dan
- e) Jalan yang menghubungkan lot pembahagian dari jalan sediaada hendaklah ditunjukkan di dalam pelan. Bagaimanapun, keperluan ini tidak akan dikuatkuasa dalam kawasan yang belum mempunyai kemudahan jaringan jalan raya.

4. Dengan ketetapan MPN tersebut di atas, Pekeliling LPPBD BIL. 1/2018: rujukan JPBW.99/63/Jld.42/(60) bertarikh 10 Januari 2018 adalah DiBATALKAN.

5. Sukacita kiranya pihak YBhg Datuk/Tuan/Puan dapat mematuhi ketetapan ini dan pekeling ini mula berkuatkuasa serta merta.

Rujukan : JPBW: 100-4/1082 (31)
Tarikh : 11hb Mac 2021

(3)

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg Datuk/Tuan/Puan untuk melaksanakan tatacara baharu ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***



(BERNADETTE C EDMUND)

Setiausaha

Majlis Perancang Negeri

BCE/DFM/dfm

sk. Yang Berhormat
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Dan Menteri Kewangan II
Merangkap Pengerusi Majlis Perancang Negeri
Tingkat 18, Wisma Innoprise
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88817 KOTA KINABALU

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri
Merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Perancang Negeri
Tingkat 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Semua Ahli
Majlis Perancang Negeri
SABAH

Semua Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Semua Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah

“SABAH MAJU JAYA”